



momen



JENDELA kayu di tingkat bawah balai polis membawa pandangan terus ke deretan lokap.



JERIJI besi di lokap lama ini pernah menempatkan trio pembunuh kejam iaitu Mona Fandey, suaminya, Affandi dan pembantu mereka, Juraimi, kerana disyaki membunuh Datuk Mazlan Idris pada Julai 1993.

KOSMO 10/7/2011 12.



EKSTRA
Balai Polis Raub

• Selain jendela kayu, balai ini turut dilengkapi anyaman kayu yang dipasang di atas tingkap dan pintu. Ia berfungsi sebagai perangkap angin yang dapat menahan hawa panas memasuki bangunan.

Warisan tertua bandar Raub

Tragedi pembunuhan Datuk Mazlan popularkan Rumah Pasung Raub.

● Terdapat dua peti besi yang dikongkrit di rumah pasung ini. Tujuannya untuk menyimpan barang-barang berharga seperti emas dan wang tunai.

● Pada awal operasinya, ia diketuai oleh Ketua Polis Daerahnya (KPD) berbangsa Inggeris dibantu seorang Sarjan, seorang Koperal, seorang Lans Koperal dan 10 mata-mata berbangsa Punjabi.

RIO pemunun kejam negara, Mona Fandey atau nama sebenarnya Maznah Ismail dan suami, Mohd. Affandi Abdul Rahman serta pembantunya, Juraimi Hussin, pernah ditahan reman lebih kurang tiga minggu di dalam bangunan yang berusia 105 tahun ini.

Pasangan bomoh yang terkenal dengan ritual pemujaan untuk menarik duit itu kemudian didapati bersalah membunuh Ahli Dewan Undangan Negeri Pahang kawasan Batu Talam, Datuk Mazlan Idris pada 13 Julai 1993




Oleh SITI NOR AFZAN KASIMAN
afzan.kasiman@kosmo.com.my

di Kampung Peruas, Ulu Dong, 20 kilometer dari bandar Raub, Pahang.

Ia bukan tragedi kematian biasa, tetapi dianggap sebagai kes pembunuhan tragik lagi mengerikan.

Memetik kata-kata Timbalan Pendakwa Raya, Azahar Mohamad ketika menghujah balas untuk membantah rayuan tiga penjenayah tersebut di Mahkamah Rayuan pada tahun 1997, Juraimi dalam



LUBANG udara dalam sel dilengkapi ciri keselamatan seperti jeriji besi dan kawat bagi menghalang tahanan lolos.

keterangannya memberitahu, dia memotong leher Datuk Mazlan dengan kapak yang dipegang.

Cebisan mayat Mazlan yang dipotong kepada 18 bahagian ditemui ditanam di dalam lubang bahagian stor yang

terletak di belakang rumah Mona Fandey.

Dipercayai, cebisan daging itu ditanam secara berperingkat dengan keadaan berdiri secara menegak bermula daripada kaki hingga ke kepala.

Sebagai langkah terakhir, lubang tersebut ditutup dengan bancuhan simen dengan harapan tiada bukti yang dapat ditemui.

Bagaimanapun dengan kecekapan polis dan pihak perundangan, ketiga-tiga pembunuh kejam ini akhirnya menerima hukuman yang setimpal dengan kesalahan mereka lapan tahun selepas itu.

Mereka digantung sampai mati pada pagi 2 November 2001 di Penjara Kajang, Selangor.

Di sisi lainnya, tidak keterlalauan jika dikatakan nama daerah Raub turut mendapat tempias ekoran tragedi berdarah itu.

Jika sebelum itu, nama Raub hanya terkenal dalam kalangan warga setempat dan pengguna laluan alternatif untuk pulang ke Kelantan, selepas Julai 1993,

BALAI Polis yang didirikan pada tahun 1906 ini juga dikenali sebagai rumah pasung. Ia kini diwartakan sebagai bangunan bersejarah oleh Jabatan Warisan Negara.

Foto
ASWAD YAHYA



ramai yang berminat untuk mengendainya.

Bangunan tertua

Terletak 110 kilometer (km) dari Kuala Lumpur, Raub sebenarnya mempunyai lakaran sejarah dan perkembangan urbanisasi yang menarik.

Daerah yang terletak di antara antara dua banjaran, iaitu banjaran Utama dan banjaran Gunung Benom itu tidak hanya kaya dengan hasil hutan dan kayu-kayan malah dilimpahi dengan logam emas di kawasan sungainya.


Dek tarikan alami yang melimpah-ruah itu, British mula menjalankan aktiviti pembangunan di Raub sejak awal abad ke-20.

Sebagai pusat tumpuan ekonomi kedua terbesar di Pahang selepas Kuala Lipis, sebuah balai polis dibangunkan pada tahun 1900 berdekatan dengan stor penyimpanan bijih timas dan emas, pejabat pos dan juga hospital.

Untuk menampung prasarana keselamatan di sebalik kepesatan aktiviti perniagaan dan bertambahnya penduduk yang datang dari luar, sebuah lagi balai polis baru dibina pada tahun 1906 di tapak balai yang ada sekarang.

“Di balai inilah Mona, suami dan pembantunya ditahan reman sementara mendapat perintah mahkamah,” ujar Inspektor Hal Ehwal Awam Ibu Pejabat Daerah (IPD) Raub merangkap Ketua Polis Balai Raub, Inspektor Zukifli Mohd. Ali Piah.

Meninjau ke bangunan yang masih berdiri teguh biarpun usianya lebih seabad, penulis kagum dengan rekaan seni



Di lokap baharu, selain dikawal oleh penjaga lokap, pergerakan orang yang ditahan di sel turut dipantau menggunakan kamera litar tertutup (CCTV).

KOSMO 10/7/2011 13

melawat boleh diajukan secara bersurat kepada IPD Raub.

“Selain lawatan, rumah pasung ini juga telah menarik minat syarikat produksi luar negara untuk mengadakan penggambaran filem di sini dalam masa terdekat,” katanya.

Diserang komunis

Sementara iu, Pengarah Tourism Malaysia Pahang, Amran Abd. Rahman berkata, pihaknya optimis bangunan balai polis lama tersebut berpotensi untuk dijadikan produk pelancongan yang menarik di Raub.

“Ia bukan bangunan biasa. Ia adalah saksi kepada evolusi peradaban masyarakat dan pembangunan sosioekonomi di daerah ini.

“Dalam lipatan sejarahnya, bangunan ini adalah kubu yang mempertahankan lubuk bijih dan emas.

“Malah, ia turut bertanggungjawab mengawal



SEORANG penduduk Kampung Peruas, Ulu Dong, Raub, Abd. Rahim Abd. Rahman menunjukkan lokasi rumah Mona Fandey, tempat berlakunya pembunuhan ngeri 18 tahun yang lalu.

coklat di kawasan berkayu yang bertindak sebagai pembangkit nilai rustik.

Di lantai bawah, sebaik sahaja memasuki balai lama ini,



PETI besi ini digunakan untuk menyimpan emas dan barang berharga.



ZULKIFLI



AMRAN

nommer

binanya yang menyerupai banglo lama.

Bahagian bawah balai ini dibina daripada batu manakala siling dan dinding tingkat atas distruktur daripada susunan kayu bermutu tinggi.

Di sebelah belakangnya pula, terdapat lokap yang mempunyai enam sel yang dipisahkan oleh laluan berbumbung genting.

“Dahulu balai polis ini dikenali sebagai rumah pasung kerana fungsinya yang bukan sahaja sebagai balai polis tetapi juga lokap untuk pelaku kesalahan jenayah.

“Ia digunakan sehingga tahun 2006 sebelum kami berpindah ke bangunan baru dibina di tapak sama,” kata Zulkifli.

Selepas lima tahun sepi tanpa penghuni, rumah pasung itu tidak ditinggalkan terus sebaliknya tetap dijaga rapi.

“Rumah Pasung adalah antara bangunan tertua di Raub. Ia memiliki 1001 cerita dan sejarahnya yang tersendiri, malah Jabatan Warisan Negara telah mewartakan bangunan ini sebagai bangunan bersejarah pada tahun 2008,” katanya.

Turut bangga dengan kemegahan balai polis lama tersebut, pihak IPD Raub mengalu-alukan lawatan daripada pelbagai pihak dengan tujuan untuk mendekatkan lagi institusi polis di daerah berkenaan.

“Sebarang permohonan untuk

dan berantaras kegiatan komunis yang aktif menjalankan operasi bersenjata dan gerakan subversif di sekitar bandar ini,” jelasnya.

Dibina dengan gabungan rekaan kolonial di bahagian bawah dan Melayu di sebelah atas, bangunan ini mempunyai sentuhan arkitektur yang menarik.

Dicat dengan warna putih sebagai simbolik bersih, cekap dan amanah, binaan ini diserikan dengan calitan rona

pengunjung yang ditempatkan menerima aduan sebelum dibawa meninjau bilik maklumat balai, bilik operator dan stor senjata api.

Melangkah memijak tangga yang terletak di sebelah kiri dan kanan bangunan, pengunjung perlu keluar dari bangunan balai sekiranya ingin ke tingkat atas.

Di ruang atas pula, suasananya tidak banyak beza. Tiada dinding pemisah ataupun daun pintu yang dapat menyekat pandangan antara

sejak pembinaannya.

“Walaupun ia tidak digunakan lagi sebagai balai polis, ia masih wajar untuk digunakan.

“Selain menjadi produk pelancongan, ia boleh dijadikan galeri polis Raub, rumah kelab atau rumah rehat eksklusif,” cadang Amran.

Penulis membayangkan, menginap semalam dua di bangunan berusia 105 tahun di tengah bandar Raub tentunya menawarkan pengalaman baharu yang pasti mengujakan!

Lokap Mona Fandey jadi tarikan

SEJAK tahun 2006, selepas balai polis lama tidak lagi digunakan dan dibuka kepada orang awam, bangunan ini sudah mencatatkan kehadiran ramai pengunjung.

Selain berpeluang menyelusuri sejarah di sebalik bangunan separa kayu itu, pelawat juga boleh melihat dan memasuki sel yang menempatkan tahanan.

Yang paling menjadi tumpuan ramai ialah sel yang pernah menempatkan Mona Fandey.

Walaupun pernah dimomokkan dengan pelbagai versi cerita seram sebelum ini,

jangan gusar kerana ia hanya cakap-cakap kosong.

Menurut Sarjan Mejar Othman Yaakob yang bertugas mengawal lokap ketika Mona Fandey ditahan berkata, tiada perkara pelik atau mistik yang berlaku sepanjang pengawasannya.

“Itu hanya penyedap cerita. Tiada apa-apa yang aneh berlaku di sini,” ceritanya yang ketika itu bertugas sebagai sentri yang mengawal di luar lokap.

Selain itu, Othman juga akan menjadi polis pengiring sekiranya tahanan perlu

dibawa keluar dari balai.

Sambil menunjukkan sel yang pernah menempatkan Mona, Othman memberitahu, pasangan suami isteri itu dilekatakkan sebelah-menyebelah manakala Juraimi ditempatkan di sel hujung.

Di luar sel pula, terdapat sebuah bilik mandi dan deretan tiga tandas cangkung untuk kegunaan orang kena tahan.

“Terdapat dua orang polis yang akan mengawal lokap, satu di dalam, satu lagi di luar.

“Setiap pergerakan dan perbuatan mereka akan dipantau, malah jika mahu menggunakan tandas sekali pun, kami akan iring mereka dengan tangan yang digari bersama,” katanya.



MONA FANDEY